



**KENYATAAN AKHBAR  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI TERKINI JANGKITAN  
2019 *NOVEL* CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa susulan daripada peningkatan kes kejadian *novel coronavirus* 2019 (2019-nCoV) yang ketara di peringkat global dan juga peningkatan jumlah negara yang melaporkan kes positif 2019-nCoV, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengadakan mesyuarat *International Health Regulations (IHR) Emergency Committee* kali kedua pada 30 Januari 2020. Mesyuarat tersebut memutuskan kejadian jangkitan 2019-nCoV memenuhi kriteria *Public Health Emergency of International Concern (PHEIC)*.

Justeru, WHO menyarankan Negara Anggota untuk menjalankan *active surveillance*, pengesanan awal, pengurusan kes dan isolasi, pengurusan kontak rapat dan pencegahan penularan jangkitan 2019-nCoV. WHO juga menekankan kepentingan perkongsian maklumat terkini jangkitan 2019-nCoV dan memaklumkan bahawa **TIADA saranan sekatan** lawatan atau perdagangan dengan Republik Rakyat China atau negara-negara yang terlibat.

Bagi negara Malaysia, daripada 10 Januari 2020 sehingga 31 Januari 2020 jam 12 tengahari, **TIADA** pertambahan kes positif 2019-nCoV. Jumlah kumulatif kes positif 2019-nCoV yang dilaporkan kekal **lapan (8) kes**; iaitu tiga (3) kes yang dilaporkan dalam kalangan kes *Patient-Under Investigation* (PUI) jangkitan 2019-nCoV dan lima (5) kes dalam kalangan kontak rapat. Kesemua kes positif 2019-nCoV ini adalah warganegara China.

Sehingga 31 Januari 2020 jam 12 tengahari, jumlah kumulatif kes PUI bagi 2019-nCoV adalah 127 orang; di mana 68 orang warganegara Malaysia, 56 orang warganegara China dan masing-masing satu (1) warganegara Jordon, Brazil dan Thailand. Tiga (3) kes telah disahkan positif 2019-nCoV, 107 kes negatif dan 17 masih menunggu keputusan makmal.

Kontak rapat kepada kes positif 2019-nCoV kekal seramai 32 orang. Daripada jumlah ini, seramai lima (5) kes telah disahkan positif jangkitan 2019-nCoV dan dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Sungai Buloh (4) dan Hospital Permai (1). Kesemua kes ini adalah dalam keadaan stabil. Manakala ujian makmal ke atas 27 kontak rapat lain didapati negatif jangkitan 2019-nCoV.

Terkini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil keputusan untuk **menangguhkan pendaftaran** pelajar dari Bandar Wuhan dan Wilayah Hubei di semua institusi pendidikan di Malaysia ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Pelajar-pelajar dari wilayah lain di negara China dibenarkan mendaftar untuk belajar di Malaysia dengan pemantauan rapi oleh institusi pendidikan yang terlibat.

Dalam pada itu, semua warga pendidik, pentadbir dan pelajar warganegara dan bukan warganegara yang **telah berada di Malaysia** serta mempunyai sejarah tinggal atau melawat Bandar Wuhan dan Wilayah Hubei, China; akan diletakkan di bawah Perintah Pengawasan dan Pemantauan di tempat tinggal masing-masing selama 14 hari dari tarikh berlepas.

Kesiapsiagaan dan respon terhadap wabak penyakit ini akan dipertingkatkan bagi menangani kejadian ini. Pengesanan awal kes yang disyaki jangkitan 2019-nCoV penting dalam pengurusan kes dan kontak rapat dalam menghadapi potensi penularan penyakit ini.

Dalam menghadapi kejadian ini, KKM akan terus bekerjasama dengan beberapa agensi seperti Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menangani kejadian ini.

Orang awam dinasihatkan untuk menangguhkan perjalanan atau lawatan ke negara China di samping terus mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan air dan sabun, dan segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit (iaitu mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas) dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari lawatan ke negara China. Maklumkan juga mengenai sejarah perjalanan berkenaan kepada doktor yang merawat. Semua pengamal perubatan, sama ada dari fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta hendaklah segera melaporkan kes-kes yang disyaki jangkitan 2019-nCoV kepada KKM dengan menggunakan kaedah pelaporan sedia ada.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan perkembangan terkini mengenainya. Sila hubungi *infoline Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* di talian 03 - 8881 0200 / 600 untuk mendapatkan sebarang maklumat mengenai jangkitan 2019-nCoV.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD**  
Menteri Kesihatan Malaysia

31 Januari 2020